

## Lima notis dikeluar kepada kedai gunting

2020-06-12T15:52:37+08:00

oleh Henry Bating



**TINJAU HARGA:** Penguatkuasa mendapati caj gunting rambut naik.

**LABUAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) WP Labuan mengeluarkan lima notis kepada pengusaha kedai gunting rambut di sini untuk mendapatkan perincian berhubung kenaikan caj yang mereka kenakan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP WP Labuan, Anual Kannari, berkata pengeluaran notis itu dilakukan ketika pemeriksaan premis kedai gunting rambut dijalankan berikutan pembukaan semula sektor itu bermula 10 Jun.

"Kita menasihatkan para pengusaha kedai gunting rambut agar tidak menaikkan caj perkhidmatan secara tidak munasabah," katanya selepas pemeriksaan itu pada Khamis.

Anual juga meminta kalangan pengusaha untuk memastikan penandaan caj perkhidmatan di premis mereka diletakkan di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan.

Menurut Annual notis dikeluarkan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan kenaikan caj disiasat di bawah Seksyen 14 bagi mengesan perlakuan mencatut.

Pemeriksaan yang dijalankan, katanya mendapati berlaku kenaikan caj perkhidmatan melibatkan gunting rambut lelaki dewasa, wanita dewasa dan kanak-kanak dengan kadar di antara RM2.00 sehingga RM5.00.

Maklum balas yang diperoleh, katanya menyatakan pekedai gunting rambut menaikkan harga perkhidmatan untuk menanggung kos tambahan peralatan penjagaan kesihatan.

Ketika mula beroperasi, penggunting rambut mengenakan peralatan perlindungan diri dan peralatan sama untuk pelanggan bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) pembukaan semula premis kedai gunting rambut.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/12/lima-notis-dikeluar-kepada-kedai-gunting>